

3,000 sambut kepulangan Pak Lah

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi disambut kira-kira 3,000 penyokong parti komponen Barisan Nasional sebaik tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang, malam tadi. Abdullah kembali ke tanah air selepas bercuti dua minggu dengan keluarganya di Perth, Australia dan menjalani pembedahan kecil resdung. Sejurus keluar dari pesawat khas yang mendarat kira-kira jam 9 malam, Abdullah kelihatan ceria dan cergas melambai ke arah orang ramai yang membawa pelbagai sepanduk antaranya berbunyi 'We Love Pak Lah' dan 'Selamat Pulang Pak Lah'.

